

Peringatan Raja Perlis demi kemakmuran Malaysia

# Pelihara perpaduan kaum

uuu/6.9.12/271101 Ps - Pelaburan

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI  
utusanperlis@utusan.com.my

**KANGAR** 5 Sept. - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail mengingatkan rakyat supaya menghindari apa sahaja perkara yang dianggap sensitif terhadap kaum demi memastikan perpaduan dan pembangunan terus dipegang di negara ini.

Titah baginda, ini kerana perpaduan secara berhemah mampu membendung perpecahan dan kehancuran masyarakat.

"Sejarah telah membuktikan perpaduan adalah benteng utama bagi kestabilan sesebuah negara," titah baginda ketika merasmikan pembukaan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Perlis di sini hari ini.

Berangkat sama dalam majlis tersebut ialah Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu.

Tuanku Syed Sirajuddin turut meminta rakyat memberi perhatian terhadap anak-anak yang merupakan harta dan warisan paling berharga.

Baginda bertitah, pelaburan terhadap anak-anak adalah untuk masa depan negara dengan pendidikan awal kanak-kanak perlu diajukan agenda penting di peringkat negeri.

Mengenai pendidikan, titah baginda, di negara ini pendidikan teknikal dan vokasional dilihat sebagai pilihan terakhir pelajar kerana tanggapan prospek kerjaya dalam bidang tersebut begitu terhad.



**TUANKU** Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (dua dari kiri) dan Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (kiri) memberi tabik hormat pada Majlis Perasmian Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Perlis di Kompleks Dewan Undangan Negeri di Kangar, semalam. Berangkat sama, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid (dua dari kanan) dan Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil. - BERNAMA

"Andaian negatif seperti ini perlu disangkal, kemudahan pendidikan teknikal dan latihan vokasional perlu ditingkatkan.

"Begini juga dengan institut pe-

ngajian tinggi (IPT) yang memainkan peranan utama dalam menggerakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan," titah baginda.

Menurut baginda, ahli akademik

dalam pelbagai bidang kepakaran menjadi tunjang kepada penemuan baru perkembangan ilmu dan penciptaan inovasi terkini.

"Bagi menggalakkan kegiatan

penyelidikan dan pembangunan (R&D), universiti di peringkat negeri yang mempunyai prestasi cemerlang perlu diiktiraf sebagai universiti penyelidikan," titah baginda.